

Pokok Tumbang Akibat Hujan Lebat

Oleh: Nur Jannah Alias

November 25, 2020



Sebatang pokok besar menghempap atap salah sebuah kelas di sekolah Al Madrasatul Nurul Iman. – Ihsan saksi

BATU GAJAH: Sebatang pokok tumbang dilaporkan di sekitar kawasan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) Al Madrasatul Nurul Iman susulan kejadian hujan lebat, malam tadi.

Seorang tukang kebun sekolah, Fauzi Abdul Wahab berkata, sekitar lapan pagi, dia pergi ke sekolah untuk berkerja namun dia melihat sebatang pokok yang besar tumbang menghempap atap salah sebuah kelas di situ.

Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Ara Payung, Azmi Abdul Wahab berkata, beliau menerima laporan mengenai kejadian itu daripada Fauzi, melalui panggilan telefon.

“Hujan lebat yang berlaku sejak tiga hari lepas menyebabkan pokok tumbang itu,” kata keduanya.

Kejadian pokok tumbang itu mengakibatkan kerosakan atap dan siling salah sebuah kelas di sekolah itu.

“Saya mengadu kepada penghulu Mukim Sungai Terap. Penghulu pula mencadangkan saya mengadu kepada Pejabat Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) tetapi mereka tidak mengambil sebarang tindakan,” kata Azmi.

“Maka, sekitar 11 pagi, saya mengumpulkan penduduk kampung dalam lingkungan empat hingga enam orang untuk bergotong-royong membersihkan kawasan pokok tumbang dan membaiki kerosakan yang berlaku itu,” tambahnya.

Kerja-kerja pembersihan mengambil masa sehari sahaja dengan pertolongan penduduk kampung.

Tiada sebarang kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan kerana kejadian itu berlaku pada musim cuti persekolahan.

Guru Besar SRAR Al Madrasatul Nurul Iman, Noor Aisyah Abdul Ghapar melaksanakan sumbangan kerosakan akibat bencana untuk menampung kerugian iaitu kira-kira RM2,000.